

16 NOV 2000

Dewan-Selangor (Putrajaya)

PEMBANGKANG MINTA TEMPOH MORATORIUM BERHUBUNG PUTRAJAYA

SHAH ALAM, 16 Nov (Bernama) -- Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri Datuk Dr Hassan Mohd Ali (PAS-Sungai Burung) meminta supaya tempoh "moratorium" selama setahun diadakan untuk membolehkan semua pihak mengkaji langkah menukarkan status Putrajaya kepada Wilayah Persekutuan.

Beliau mempersoalkan mengapa cadangan berhubung proses itu dibuat secara tergesa-gesa dalam hanya beberapa minggu selepas ia dinyatakan secara tidak rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya apabila Kuala Lumpur hendak dijadikan Wilayah Persekutuan, Kerajaan Pusat mengambil masa selama kira-kira empat tahun untuk berbincang mengenainya dengan kerajaan negeri sebelum mendapat kelulusan.

Semasa membahaskan Rang Undang-undang berhubung menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada persidangan dewan itu di sini, beliau mencadangkan supaya diadakan perbincangan terbuka di kawasan-kawasan terbabit supaya semua pihak boleh menyuarakan pendapat masing-masing mengenai isu itu.

Hassan turut mempersoalkan tentang pampasan RM200 juta kerana menurutnya apabila satu-satu kawasan tanah dibeli, ia akan dibeli dengan harga tanah yang telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana.

Beliau berkata sekiranya dinilai bayaran RM200 juta dengan keluasan Putrajaya, ia hanya bernilai 39 sen sekaki persegi sedangkan nilainya pada pasaran sekarang boleh menjangkau sehingga kira-kira RM50 tiap satu kaki persegi.

Katanya begitu juga dengan pampasan RM7.5 juta setiap tahun kerana menurutnya cukai pintu untuk bangunan rumah sahaja di Putrajaya boleh mencapai sehingga lebih RM500 juta dan ia masih belum merangkumi bangunan komersil atau pejabat.

Beliau turut menimbulkan persoalan mengapa ia dibuat dengan tergesa-gesa iaitu selepas 76 hari selepas Datuk Dr Mohamad Khir Toyo dilantik menjadi Menteri Besar menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

"Kita juga dengar yang "Pak Abu" berhenti mungkin sebab dia tidak setuju dengan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan. Betul atau tidak bukan soalnya, tapi kita nak tanya..... ada apa-apa ke?" katanya.

Hassan berkata beliau juga dapat melihat air muka Dr Khir dan beberapa anggota Exco kerajaan negeri yang nampaknya tidak bersetuju berhubung perkara tersebut, tetapi seolah-olah terpaksa kerana terdapat unsur-unsur tekanan dari pihak tertentu.

Beliau mendakwa seolah-olah terdapat unsur rahsia dalam isu Putrajaya kerana terdapat beberapa percanggahan seperti daripada segi keluasannya apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keluasan Putrajaya adalah 25,000 hektar manakala perjanjian pada 7 Nov lepas menyatakan bahawa ia adalah 4,931 hektar dan apa yang diumumkan oleh Dr Khir tadi adalah 4,930 hektar.

Katanya semua pihak perlu berhati-hati dalam menangani isu kedaulatan sesebuah kerajaan kerana menurutnya apa erti pembangunan kalau tanah bukan lagi milik kerajaan negeri.

Beliau juga meminta supaya kerajaan menyatakan keluasan tanah di Morib yang dikatakan akan diserahkan kepada Selangor sebagai salah satu corak pampasan, dan meminta supaya dinyatakan nilainya.

-- BERNAMA

AZH NMO